

# **SEJARAH PERSATUAN ISLAM PUTATAN**

## **(1959-1969)**

**MOHD. AMIRUDIN BIN SUHAIMI**

**Latihan Ilmiah Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi  
Sebahagian Daripada Syarat-Syarat Bagi  
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial  
Dengan Kepujian**

**PROGRAM SEJARAH  
SEKOLAH SAINS SOSIAL  
2009**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4000017152



## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: Sejarah Permatutan Islam Putian (1859-1969)IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIALSAYA MOKHDU AMIRYQIN BIN SUFIAH  
(HURUF BESAR) SESI PENGAJIAN: 2009

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

  
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:

  
EN · SHAIK AFFI BIN MOHD RABY

Nama Penyelia

Tarikh: 13. Mei. 09Tarikh: 8/09/09

CATATAN:- \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

PERPUSTAKAAN UMS




1400017152


**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN PENYELIA

Latihan Ilmiah ini bertajuk "Sejarah Persatuan Islam Putatan (1959-1969)", yang telah disediakan oleh Mohd. Amirudin Bin Suhaimi bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh,



(Encik Shaukhi bin Mohd Radzi )

Penyelia Latihan Ilmiah,

Sekolah Sains Sosial

Tarikh: 8/08/2007

## PENGAKUAN PELAJAR

Latihan Ilmiah/Tesis yang bertajuk "Sejarah Persatuan Islam Putatan (1959-1969)" ini adalah hasil kerja saya sendiri dengan segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya...."

MOHD. AMIRUDIN BIN SUHAIMI

HA2006-1283

13 MEI 2009

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ilahi kerana limpah kurnia dan hidayahnya, maka saya telah berjaya menyelesaikan disertasi ini dengan sebaiknya walaupun terdapat banyak masalah dan dugaan sepanjang menyempurnakan tugasani ini.

Terima kasih yang tidak ternilai saya rakamkan kepada kedua ibu bapa yang amat saya cintai iaitu Encik Suhaimi Bin Sanusi dan Puan Normala Rosmi diatas segala dorongan dan sokongan yang diberikan kepada saya selama ini. Setiap nasihat yang diberikan itu memberi perangsang kepada saya untuk menyiapkan disertasi ini walaupun diulit dengan kesusahan.

Jutaan penghargaan saya dedikasikan kepada penyelia yang saya hormati iaitu En. Mohamad Shaukhi bin Mohd Radzi, yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan disertasi ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pensyarah yang telah mengajar saya terutamanya pensyarah program Sejarah Universiti Malaysia Sabah iaitu En. Baszley Bee bin Basrah Bee, En. Wan Shawaluddin bin Wan Hassan, Prof. Dr. Sabihah Osman, En. Mosli bin Tarsat, Prof. Madya Dr. Ismail, En. Saffie Abdul Rahim dan En. Bilcher Bala atas segala tunjuk ajar, nasihat dan bantuan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah.

Terima kasih juga kepada pekerja di Arkib Negeri Sabah dan Muzium Kesenian dan Tamadun Islam yang banyak memberi bantuan dalam pengumpulan bahan mentah. Seterusnya kepada individu yang terlibat di dalam sesi temuramah iaitu Imam Haji Madiah, Datuk Haji Mohd Din bin Sulai dan Tuan Haji Uda bin Sulai yang memberi kerjasama kepada saya.

Selain itu, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada semua rakan saya yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung di dalam menyiapkan tugasani ini. Setinggi penghargaan kepada Mohamad. Bustami bin Junaidi, Muhd. Minsya bin Baharudin dan Raidah Abdul Rahim yang telah banyak memberi sokongan dan inspirasi kepada saya selama menyiapkan disertasi ini. Setinggi penghargaan kepada keluarga saya yang berada di Sabah atau Sarawak yang banyak memberi bantuan dan nashiat. Akhir sekali kepada sesiapa sahaja yang turut mebantu saya selama ini secara langsung atau tidak langsung yang tidak dapat saya sebutkan. Hanya Allah sahaja yang boleh membalas jasa baik kalian. Terima Kasih.

MOHD. AMIRUDIN BIN SUHAIMI  
HA2006-1283



## ABSTRAK

Latihan ilmiah ini merupakan satu kajian yang dijalankan untuk mengupas dan membincarkan tentang Sejarah Persatuan Islam Putatan (1959-1969). Dalam kajian ini ia menyentuh kepada latarbelakang perkembangan Islam secara ringkas di Putatan. Dalam masa sama, ia membincangkan sejarah penubuhan Persatuan Islam Putatan. PIP berperanan penting dalam pendidikan dengan cubaan membina sebuah madrasah yang sekaligus sebagai usaha PIP meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk Putatan. Sumbangan dari segi sosioekonomi yang dilakukan oleh PIP juga bukan sahaja melibatkan penduduk Putatan bahkan agensi yang lebih besar Akibat daripada kekurangan dana maka PIP telah merangka banyak aktiviti bagi menjayakan usaha mereka. Disamping itu, kajian ini cuba mengupas peranan yang dilaksanakan oleh PIP di Putatan terutamanya berkaitan dengan dakwah Islam sepanjang sepuluh tahun kewujudannya. PIP berusaha mewujudkan pertandingan membaca al-Quran, Perarakan Maulidur Rasul, menghapuskan amalan Kurafat, cuba menyelesaikan masalah hisab dan rukyah, menghadiri kongres Islam Malaysia Timur dan membuat pengislaman. Selain itu, kajian ini cuba merungkai penglibatan PIP di dalam politik di Sabah terutamanya menjelang kemerdekaan Sabah. PIP telah menerima jemputan oleh pihak tanah melayu untuk melihat sendiri perkembangan ekonomi di wilayah tersebut dan dijemput oleh Tun Mustaphake kongres USNO. Disini mula menonjolkan penglibatan ahli PIP di dalam pilihanraya walaupun PIP sebenarnya bukan persatuan politik. Yang terakhir, merupakan kesimpulan kepada peranan dan sumbangan PIP terhadap putatan khususnya dan Sabah pada amnya.



**ABSTRACT****THE HISTORY OF PERSATUAN ISLAM PUTATAN(1959-1969)**

*This research has been done in order to reveal and discuss about the history of Persatuan Islam Putatan (1959-1969). This research briefly discussed the background of the Islam development in Putatan and the association establishment's history. Persatuan Islam Putatan (PIP) highly responsible in education due to their trial to built a madrasah (a school especially concerning Islam) in order to increase the socioeconomic level among the Putatan residents. The contribution in socioeconomic that have been done by PIP not only involving among the local but the bigger agencies are also involved. Due to financial problem, PIP planed more activities to make their efforts worthy. Besides, this research try to reveal the functions of PIP related to their ways to preach Islam in 10 years establishment especially in Putatan. PIP try to bring the Al-Quran reading competition, Maulidur Rasul Procession, to abolish the acts that totally wrong in Islam, try to solve the hisab and rukyah problems, attending the East Malaysia Islamic Congress and islaming people. Rather than that, this research tries to expose the PIP involvement in politics in Sabah especially when near to independence. PIP received the invitation by the Tanah Melayu to see how fast the economics development by themselves in that region and invited by Tun Mustapha to the USNO congress. Starting by this point, seeing the PIP members' involvement in the election even tough PIP was not actually the political organization. The last part in this research was talked about the conclusion of the PIP's roles and contributions toward Putatan and in the same time towards Sabah.*



## Senarai Singkatan

PSPM	Persatuan Sahabat Pena Malaya
BARIP	Parti Barisan Pemuda
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
KJM	Khairat Jumaat Muslimin
PIM	Persatuan Ikhwan Muslimin
OKK	Orang Kaya-Kaya
YAB	Yang Amat Berhormat
AGABA	Angkatan Gaya Baru
UNKO	<i>The United National Kadazan Organization</i>
USNO	<i>United Sabah National Organization</i>
KAN	Ketua Anak Negeri
PIP	Persatuan Islam Putatan
PIT	Persatuan Islam Tawau
PIS	Persatuan Islam Sabah



## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>PENDAHULUAN</b>	ix

### **Bab 1 Sejarah Penubuhan Persatuan Islam Putatan**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Kesedaran Untuk Berpersatuan	3
1.3 Perkembangan Islam di Putatan	7
1.4 Perlantikan Jawatankuasa Pembangunan Masjid	12
1.5 Perlantikan Jawatankuasa Penaja	14
1.6 Mesyuarat Agung Perwakilan Masyarakat Putatan	17
1.7 Pembentukan Perlembagaan PIP	20
1.8 Mesyuarat Jawatankuasa Biro PIP	22

### **Bab 2 Peranan Peranan Islam Putatan dalam Pendidikan di Putatan**

2.1 Kepentingan Pendidikan dalam Islam	25
2.2 Latarbelakang Pendidikan Tradisional Sabah	26
2.3 Melaksanakan Pendidikan Islam secara Formal	29
2.3.1 Penubuhan Jawatankuasa Madrasah	32
2.3.2 Mengumpul kewangan Untuk Membina Madrasah	32
2.3.3 Sekolah Orang Dewasa	37
2.3.4 Perasmian Madrasah Tahzibiah	38
2.4 Sumbangan PIP kepada Sosioekonomi	43

### **Bab 3 Peranan Persatuan Islam Putatan Dalam Dakwah**

3.1 Konsep Dakwah	45
3.2 Musabaqah Al-Quran	46
3.2.1 Piala YB Tun Mustapha	49
3.3 Pertikaian Puasa dan Raya	53
3.4 Menghapuskan Amalan Kurafat	59
3.4.1 Menghantar Anjung	60
3.4.2 Melengahkan Pengurusan Jenazah	65
3.4.3 Melaga Ayam	66
3.5 Sambutan Maulidur Rasul	67



3.6	Kongres Islam Malaysia Timur	68
3.7	Mengadakan Pengislaman	71
<b>Bab 4 Pengaruh Persatuan Islam Putatan Dalam Politik</b>		
4.1	Kesedaran Berpolitik Sebelum Perang dunia Kedua	73
4.2	Kesedaran Berpolitik Umat Islam Sebelum Kemerdekaan	75
4.3	Kesedaran Politik Umat Islam menjelang Kemerdekaan	77
4.4	Menerima Jemputan dari Tanah Melayu	79
4.5	PIP Di Jemput ke Kongres USNO	82
<b>Bab 5 Rumusan</b> 90		
<b>BIBLIOGRAFI</b> 95		
<b>LAMPIRAN</b> 99		

## PENDAHULUAN

### Latar Belakang Kajian

Agama Islam dipercayai telah sampai ke Sabah lebih kurang pada abad ke-10. Ia dipercayai mendapat pengaruh daripada Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu kerana Sabah pada ketika itu terletak di bawah kekuasaan Kesultanan ini yang mengamalkan ajaran Islam. Maka Islam telah menjadi agama yang terlebih dahulu diamalkan oleh masyarakat di Sabah. Walaubagaimanapun, tidak terdapat sebarang bukti yang jelas bahawa ia sebagai pengembang agama Islam terawal yang memberi kesan kepada penduduk Sabah.

Namun, setelah kedatangan pihak penjajah pada pertengahan abad ke-18, agama Kristian telah mula disebarluaskan di serata negeri Sabah. Selama menjajah Sabah, pihak penjajah iaitu Syarikat Berpiagam Borneo Sabah dan koloni British mengamalkan dasar kristinisasi. Pihak penjajah ini telah banyak membantu dalam membawa mubaligh kristian dan membiayai penyebaran agama kristian di Sabah. Ini agar mereka dapat menguasai pemikiran rakyat peribumi supaya penjajahan mereka tidak ditentang.

Kesannya, ia menyebabkan penganut agama Kristian kian bertambah di Sabah dan sekaligus menggugat penganut agama Islam yang telah lama bertapak iaitu semenjak zaman Kesultanan Brunei dan Sulu lagi. Nilai-nilai barat yang diterapkan oleh pihak barat juga telah mengubah nilai-nilai hidup masyarakat di Sabah yang pada ketika itu telah mengikut cara hidup Islam. Walaupun terdapat juga unsur-unsur kurafat dalam



kehidupan seharian, namun pada keseluruhannya Islam itu telah membentuk nilai atau gaya hidup masyarakat di Sabah. Impaknya, mereka cuba sedaya upaya untuk memastikan agama Islam di martabatkan dan hasilnya telah wujud kesedaran untuk berpersatuan bagi mengukuhkan kedudukan agama Islam di Sabah pada ketika itu.

Sebelum tertubuhnya Persatuan Islam Putatan, terlebih dahulu telah wujud persatuan-persatuan Islam di Sabah. Ini dapat dilihat dengan tertubuhnya persatuan Islam yang pertama di Sabah iaitu Khairat Jumaat Muslimin (KJM). Persatuan Khairat Jumaat Muslimin ini berada dibawah kendalian Haji Suhaili dan berpusat di Kota Kinabalu (Jeselton dahulunya) pada sekitar tahunan 1940-an.<sup>1</sup> Kewujudan persatuan Islam ini menjadi titik tolak kepada kesedaran untuk menubuhkan persatuan-persatuan berbentuk agama khususnya Islam di Sabah.

Selepas itu, telah terbentuknya persatuan Islam yang berteraskan kepada kawasan kedaerahan sahaja iaitu persatuan Islam Tawau dan Persatuan Islam Sabah. Walaupun persatuan Islam Sabah itu menggunakan perkataan "sabah" di hujung namanya, namun keahliannya hanya terbuka kepada orang Islam di daerah Kota Kinabalu dan Sedikit di kawasan Papar.<sup>2</sup> Persatuan Islam Putatan, Persatuan Islam Tawau dan Persatuan Islam Sabah juga dikatakan serius dalam meninggikan kedudukan Islam di Sabah. Oleh sebab itu, kewujudan persatuan ini boleh bertahan sehingga akhir tahun 1960-an.

---

<sup>1</sup> Muhidin Yasin, *Islam di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, him. 21.

<sup>2</sup> *Ibid.*

Walaubagaimanapun, diantara semua persatuan yang wujud pada ketika ini, persatuan Islam Putatan merupakan persatuan yang paling aktif berdasarkan sumbangannya terhadap masyarakat Islam khususnya di Putatan dan Keseluruhan Sabah Amnya. Ia ditubuhkan pada 25 Oktober 1959 dan dibubarkan pada tahun 1960 bagi memberi laluan kepada penubuhan USIA. Walaupun ianya wujud selama 10 tahun sahaja iaitu dari tahun 1959 sehingga 1969, namun ia memberi sumbangan yang tidak ternilai kepada penduduk di Sabah sepanjang kewujudannya.

### **Permasalahan Kajian**

Dalam membuat penyelidikan ini, beberapa permasalahan kajian telah diwujudkan agar objektifnya tercapai. Permasalahan yang ingin dibincangkan secara mendalam ialah, yang pertama adalah membincangkan sejarah kewujudan atau penubuhan Persatuan Islam Putatan. Yang kedua pula, untuk melihat segala sumbangan yang pernah dilakukan oleh Persatuan Islam Putatan, yang ketiga pula ialah membincangkan penerimaan penduduk setempat terhadap penubuhan dan keempat melihat kepada proses pembubaran Persatuan Islam Putatan.

### **Objektif Kajian**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui secara terperinci berkaitan dengan dan kewujudan dan sumbangan Persatuan Islam Putatan terhadap masyarakat Islam di Sabah. Bagi memastikan tujuan ini tercapai, kajian ini telah menggariskan beberapa objektif seperti membincangkan asal usul kewujudan persatuan ini. Yang keduanya ialah



melihat kepada sumbangan yang dilakukan oleh Persatuan ini kepada masyarakat di Sabah khususnya di Putatan. Yang ketiga cuba melihat penerimaan atau reaksi dan kesan ke atas masyarakat tempatan di putatan berikutan penubuhan persatuan Islam Putatan. Seterusnya, kajian ini cuba untuk menunjukkan halangan-halangan yang terpaksa di hadapi oleh persatuan Islam Putatan dalam menjayakan program-program dan tujuan penubuhannya.

### **Ulasan Kajian Lepas**

Bagi memudahkan pemahaman terhadap perbincangan ini, maka terlebih dahulu dijelaskan beberapa kajian yang lepas atau yang pernah disentuh oleh penyelidik terdahulu. Pertamanya, di dalam karya Islam di Sabah, tulisan Muhibdin Yasin (1990), beliau ada menyentuh perkara berkaitan dengan masyarakat Islam di Sabah pada ketika itu yang mula timbul kesedaran untuk berpersatuan agar Islam dan pengikutnya tidak ditindas oleh pihak penjajah. Dalam Menjelaskan isu ini, penulis ada menyentuh serba sedikit tentang kewujudan Persatuan Islam Putatan. Walaubagaimanapun, ia adalah terlampau umum kerana bukan sahaja ia menyentuh persatuan Islam Putatan sahaja, tetapi termasuk Persatuan Islam Sabah dan Persatuan Islam Tawau.

Berhubung perkara yang berkaitan dengan Persatuan Islam Putatan, penulis sekadar menyentuh pelbagai isu perbezaan dasar persatuan diantara Persatuan Islam Putatan dan kedua-dua persatuan yang disebutkan tadi iaitu Persatuan Islam Sabah dan Persatuan Islam Tawau. Sebagai contohnya, Persatuan Islam Sabah merasa tersinggung semasa Persatuan Islam Putatan cuba membuka keahliannya terhadap penduduk di



daerah lain.<sup>3</sup> Selain daripada itu, di dalam penulisan ini ada juga menjelaskan sedikit sumbangan yang dilakukan oleh Persatuan Islam Putatan tetapi ia tidak la secara terperinci.

Seterusnya, terdapat juga buku yang bertajuk *Mana Bendera Saya*, hasil tulisan Datuk Haji Ag. Sahari Abd. Latif yang juga menyentuh kepada Persatuan Islam Putatan. Namun buku ini merupakan biografi kehidupan penulis. Ia banyak menceritakan perjalanan hidup beliau di dalam memperjuangkan Islam di Sabah. Secara ringkasnya beliau cuba menjelaskan usaha-usaha yang dilakukannya ketika berada di dalam Persatuan Islam Putatan dan juga didalam *United Sabah Islamic Association* (USIA).

Ketika bertugas di bawah Persatuan Islam Putatan, beliau juga ada menyebut tentang kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Persatuan Islam Putatan. Contohnya, pembinaan Madrasah Tahzibiah. Berbagai usaha untuk mengadakan kutpan derma seperti menjual bunga di setiap menjelang Hari raya dan menganjurkan sandiwara amal.<sup>4</sup> Disamping itu, beliau juga menceritakan tentang cabaran yang dihadapi oleh persatuan ini. Walaupun kesemua yang diceritakan oleh beliau ini hanya gambaran umum dan ringkas, namun ia memberi inspirasi terhadap saya untuk memberi gambaran yang jelas terhadap kejayaan dan permasalahan yang dialami oleh persatuan ini. Atas sebab itu, buku ini menjadi panduan utama kepada saya untuk agar memahami

<sup>3</sup> Muhidin Yasin, *Islam di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm 33.

<sup>4</sup> Haji Awang Sahari Abdul Latif, *Mana Bendera Saya?*, Sabah: Institut Penyelidikan Sastera Sabah, 2006. hlm. 94.

perjalanan yang dihadapi oleh Persatuan Islam Putatan dari awal penubuhannya sehingga kepada pembubarannya bagi memberi laluan kepada penubuhan USIA.

Sorotan literatur yang seterusnya hasil tulisan Ismail Yusoff dalam bukunya *Politik dan Agama di Sabah*. Di dalam bukunya ini, beliau menghubungkan gerakan nasionalisme yang berlaku di Sabah berkait rapat dengan agama Islam. Nasionalisme masyarakat Islam di Sabah, dalam erti kata lain ialah perjuangan untuk menjaga kepentingan Islam dan penganutnya yang telah wujud sejak abad ke 19 lagi.<sup>5</sup> Akibat daripada diskriminasi penjajah Inggeris terhadap masyarakat Islam di Sabah, telah timbul semangat nasionalisme untuk menubuhkan persatuan. Penubuhan persatuan-persatuan ini ialah untuk menyatupadukan orang Islam disamping sebagai proses menyedar diri sendiri terutama dalam menghadapi cabaran daripada pihak penjajah.

Di dalam perkembangan nasionalisme yang berkaitan dengan agama ini, akhirnya telah muncul beberapa persatuan yang mempunyai matlamat yang jelas dan khusus. Antara persatuan terpenting pada ketika itu ialah Persatuan Ikhwan Sabah, Persatuan Islam Putatan dan Persatuan Islam Sabah. Walaupun hanya menyatakan kewujudan satu persatuan Islam yang dinamakan Persatuan Islam Putatan, namun terdapat juga sumbangan-sumbangan yang diceritakan tetapi terlampau umum. Atas sebab itu, kajian ini perlu diadakan agar sumbangan yang lebih khusus dapat dinyatakan.

---

<sup>5</sup> Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 79.

## **Skop Kajian**

Kajian ini dilakukan di bahagian daerah Putatan di Negeri Sabah dengan memberi fokus kepada reaksi penduduk setempat terhadap Persatuan Islam Putatan. Selain itu, Kajian ini cuba menunjukkan peranan dan sumbangan Persatuan Islam Putatan sejak dari awal penubuhannya pada tahun 1959 hingga pembubarannya pada tahun 1969. Kajian ini cuba menyentuh segala aktiviti yang pernah dilakukan oleh Persatuan Islam Putatan.

## **Metod Kajian**

Kaedah kajian yang akan digunakan dalam menyiapkan penulisan sejarah Persatuan Islam Putatan ialah menggunakan disiplin sejarah sebagai asas penyelidikan. Jesteru itu, untuk menghasilkan penulisan ini, sumber primer dan sekunder amatlah diperlukan. Sumber-sumber primer ini merupakan sumber yang utama yang berbentuk fail, akhbar dan laporan asal yang boleh didapati daripada Arkib negeri Sabah dan Muzium Kesenian & Tamadun Islam dan Muzium Negeri Sabah. Selain itu, kaedah temubual juga akan dibuat kepada tokoh yang pernah terlibat dan hidup sezaman dalam persatuan Islam Putatan.

— Disamping itu, sumber sekunder atau sumber kedua seperti buku, artikel, journal, kertas kerja, dan rujukan elektronik (laman web) yang boleh dirujuk di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Pusat Sumber Sekolah Sains Sosial, Perpustakaan Yayasan Sabah dan Persatuan Seluruh Islam Negeri Sabah (USIA).

## Pembahagian Bab

Kajian ini telah dibahagikan kepada lima bab secara keseluruhannya. Di dalam bab yang pertama penulis cuba membincarakan berkaitan dengan latarbelakang sejarah penubuhan Persatuan Islam Putatan. Diawalnya ia menyentuh kepada perkembangan agama Islam di Putatan secara ringkas yang pada akhirnya membawa kepada penubuhan Persatuan Islam di Putatan yang didaftarkan sebagai Persatuan Islam Putatan.

Pada bab yang kedua, kajian ini akan cuba menyentuh kepada peranan penting yang dilakukan oleh Persatuan Islam Putatan di dalam bidang pendidikan khususnya di Putatan. Penulis cuba mencari usaha yang dilakukan oleh pihak persatuan sebelum membina sebuah madrasah sehingga kepada kewujudannya. Selain itu, penulis akan menerangkan silibus yang digunakan di dalam persekolahan ini disamping beberapa tenaga pengajar yang awal bagi menggerakan madrasah ini. Tambahan itu, penubuhan sekolah ini amat penting sebagai pemangkin kepada pembangunan sosial ekonomi penduduk Putatan dan dalam masa yang sama menyentuh kepada peranan PIP di dalam sosial masyarakat Putatan secara ringkas.

Seterusnya, pada bab yang ketiga kajian ini cuba membincarakan berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh Persatuan Islam Putatan di dalam bidang dakwah di Putatan. Ini disebabkan persatuan ini adalah bercorak keagamaan dan semestinya banyak aktiviti keagamaan telah dirancang oleh pihak persatuan agar Islam itu dapat dikembangkan dan dimartabatkan di Sabah. Beberapa sumbangan yang besar akan dirungkaikan secara terperinci bagi menjelaskan signifikan kepada sumbangan



Persatuan Islam Putatan dari segi kegiatan dakwah di Putatan khususnya dan Sabah pada amnya.

Disamping itu, pada bab yang keempat pula penulis cuba menerangkan kepada penglibatan Persatuan Islam Putatan di dalam politik di Sabah. Pengkhususan yang dibuat adalah menjelang kemerdekaan Sabah kerana pada ketika itu merupakan kesedaran yang paling menyerlah di kalangan masyarakat Islam termasuklah ahli Persatuan Islam Putatan. Penulis juga cuba melihat kepada penglibatan secara langsung atau tidak langsung Persatuan Islam Putatan di dalam Politik kerana ia merupakan persatuan keagamaan pada asasnya.

Bab yang terakhir atau bab lima pula menceritakan kepada kesimpulan hasil dapatan sepanjang kajian ini dijalankan. Hasil dapatan ini akan diterangkan satu persatu bagi memastikan setiap sumbangan yang dilakukan oleh pihak persatuan dapat dilihat secara jelas.



Persatuan Islam Putatan dari segi kegiatan dakwah di Putatan khususnya dan Sabah pada amnya.

Disamping itu, pada bab yang keempat pula penulis cuba menerangkan kepada penglibatan Persatuan Islam Putatan di dalam politik di Sabah. Pengkhususan yang dibuat adalah menjelang kemerdekaan Sabah kerana pada ketika itu merupakan kesedaran yang paling menyerlah di kalangan masyarakat Islam termasuklah ahli Persatuan Islam Putatan. Penulis juga cuba melihat kepada penglibatan secara langsung atau tidak langsung Persatuan Islam Putatan di dalam Politik kerana ia merupakan persatuan keagamaan pada asasnya.

Bab yang terakhir atau bab lima pula menceritakan kepada kesimpulan hasil dapatan sepanjang kajian ini dijalankan. Hasil dapatan ini akan diterangkan satu persatu bagi memastikan setiap sumbangan yang dilakukan oleh pihak persatuan dapat dilihat secara jelas.



## BAB 1

### SEJARAH PENUBUHAN PERSATUAN ISLAM PUTATAN

#### 1.1 Pendahuluan

Agama Islam dipercayai telah sampai ke Sabah lebih kurang pada abad ke-10. Ia dipercayai mendapat pengaruh daripada Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu kerana Sabah pada ketika itu terletak di bawah kekuasaan Kesultanan ini yang mengamalkan ajaran Islam. Maka Islam telah menjadi agama yang terlebih dahulu diamalkan oleh masyarakat di Sabah. Walaubagaimanapun, tidak terdapat sebarang bukti yang jelas bahawa ia sebagai pengembang agama Islam terawal yang memberi kesan kepada penduduk Sabah.

Namun, setelah kedatangan pihak penjajah pada pertengahan abad ke-18, agama Kristian telah mula disebarluaskan di serata negeri Sabah. Selama menjajah Sabah, pihak penjajah iaitu Syarikat Berpiagam Borneo Utara dan Koloni British mengamalkan dasar Kristinisasi. Pihak penjajah ini telah banyak membantu dalam membawa mubaligh Kristian dan membiayai penyebaran agama kristian di Sabah. Ini agar mereka dapat menguasai pemikiran rakyat peribumi supaya penjajahan mereka tidak ditentang. Dasar berat sebelah penjajah juga kelihatan cuba menyekat kegiatan perkembangan agama Islam di Sabah. Contohnya pihak Inggeris telah memindahkan masjid Jeselton ke kampung Sembulan kerana cuba memisahkan kegiatan agama Islam jauh dari bandar



yang semakin membangun dari segi sosioekonomi.<sup>1</sup> Satu lagi bukti yang menunjukkan sikap diskriminasi penjajah terhadap agama Islam adalah melalui peraturan yang telah diluluskan di dewan undangan negeri borneo utara pada 15 April 1935 iaitu:

1. Penekanan kepada komuniti Muslim.
2. Penduduk Islam dihalang dari bermigrasi ke kawasan bukan Islam
3. Sesiapa yang menetang larangan ini akan didenda dibawah '*Village Administration Ordinance*'.<sup>2</sup>

Kesannya, ia menyebabkan penganut agama Kristian kian bertambah di Sabah dan sekaligus menggugat penganut agama Islam yang telah lama bertapak iaitu semenjak zaman Kesultanan Brunei dan Sulu lagi. Nilai-nilai barat yang banyak diterapkan oleh pihak barat juga telah mengubah nilai-nilai hidup masyarakat di Sabah yang pada ketika itu telah mengikuti cara hidup Islam. Walaupun terdapat juga unsur-unsur kurafat dalam kehidupan seharian, namun pada keseluruhanya Islam itu telah membentuk nilai atau gaya hidup masyarakat di Sabah. Oleh sebab itu, mereka cuba sedaya upaya untuk memastikan agama Islam di martabatkan dan hasilnya telah wujud kesedaran untuk berpersatuan bagi mengukuhkan kedudukan agama Islam di Sabah pada ketika itu.

---

<sup>1</sup> Jamdin Buyong, Fail Islam, "Sejarah Kedatangan Islam Ke Sabah".

<sup>2</sup> *Ibid.*

## 1.2 Kesedaran Untuk Berpersatuan

Masalah dalam bidang sosial dan keagamaan yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Sabah telah menjadi faktor utama timbulnya kesedaran untuk mewujudkan persatuan Islam<sup>3</sup>. Dihujung tahun 1930-an, persatuan berbentuk sekular telah wujud di Sabah iaitu hasil daripada majlis perkumpulan yang diwakili oleh ahli Persatuan Sahabat Pena Malaya<sup>4</sup> di Sabah. Walaupun ianya sebuah persatuan sekular namun, faktor asas yang mendorong penubuhan persatuan itu ialah kesedaran tentang masalah keagamaan dan sosial yang dihadapi oleh orang Islam pada masa itu.<sup>5</sup> Pada ketika itu, PSPM telah mula berfikir untuk menyatupadukan masyarakat Islam di Sabah agar perpaduan yang dibina itu akan dapat membantu mengatasi masalah yang membelenggu mereka selama ini. Namun, persatuan ini hanya berjaya dilaksanakan setelah selesainya perang dunia kedua.

Setelah berakhirnya perang dunia kedua, barulah muncul sebuah persatuan berbentuk politik iaitu Parti Barisan Pemuda<sup>6</sup>. Parti ini yang diketuai oleh Mandur Syarif telah ditubuhkan pada tahun 1946 dan berpusat di Jeselton pada ketika itu.<sup>7</sup> BARIP di Jeselton<sup>8</sup> ini merupakan cawangan daripada BARIP yang ditubuhkan di Brunei oleh

<sup>3</sup> Muhidin Yasin, *Islam di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm.18.

<sup>4</sup> Selepas ini akan menggunakan singkatan PSPM.

<sup>5</sup> Muhidin Yasin, *Islam di Sabah*...., hlm.20.

<sup>6</sup> Selepas ini akan menggunakan singkatan BARIP.

<sup>7</sup> Muhidin Yasin, *Islam di Sabah*...., hlm.18.

<sup>8</sup> Jesselton merupakan nama lama bagi Kota Kinabalu.

pengasasnya Pengiran Yusuf bin Pengiran Abdul Rahim.<sup>9</sup> Menurut Muhidin Yasin, Presiden yang pertama BARIP ini ialah Abdullah Jaafar yang memegang jawatan selama lima bulan sebelum digantikan oleh H.M Salleh. Kedua-dua mereka ini pernah mendapat pendidikan di Maktab Perguruan Sultan Idris di tanjung Malim<sup>10</sup>. Parti ini dipercayai mendapat sambutan daripada orang ramai terutamanya orang Islam dan juga orang jawa yang menetap di Sabah.<sup>11</sup>

Selepas Penubuhan BARIP, sebuah lagi parti telah terbentuk pada ogos 1946 yang dikenali sebagai Parti Kebangsaan Melayu.<sup>12</sup> Parti yang baru ditubuhkan ini telah diketuai oleh Tengku Nuruddin dan berpusat di Labuan. Penubuhan parti ini merupakan hasil dorongan dan idea daripada sebuah parti yang berada di Tanah Melayu iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya<sup>13</sup>. Pengaruh PKMM mula meresap ke Sabah apabila terdapatnya golongan nasionalis dan beberapa orang pelajar lepasan MPSI berkunjung ke Sabah termasuklah seorang pegawai pelajaran di Brunei iaitu Harun bin Mohd Amin.<sup>14</sup> Beliau merupakan seorang penulis novel yang patriotik dan berkhidmat di Brunei dari 15 November 1939 sehingga kembali ke Singapura pada 22 Mei 1946.<sup>15</sup> Parti

<sup>9</sup> Muhidin Yasin, *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm.18.

<sup>10</sup> Selepas ini akan menggunakan singkatan MPSI.

<sup>11</sup> Muhidin Yasin, *Islam di Sabah*...., hlm. 19

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> Selepas ini akan menggunakan singkatan PKMM

<sup>14</sup> Muhidin Yasin, *Islam di Sabah*...., hlm.19.

<sup>15</sup> Muhidin Yasin, *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm.18.

## Bibliografi

### Tesis/ Latihan Ilmiah

Hamdan bin Aziz. 2005. *Parti Politik USNO dan BERJAYA Di Sabah, 1961-1996*. Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah.

Mohd Aziz Yappa. 1999. *Islam di Tawau: Sejarah Kedatangan dan Perkembangan*. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Muhidin Yasin @ Mohd. Anas. 1982. *Sejarah Penubuhan USIA dan Kegiatannya Dalam Dakwah Islam di Sabah Hingga Tahun 1976*. Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

### Fail Muzium

Fail Muzium Keseniaan dan Tamadun Islam. MTIS/ F20/ JILP. Fail-Fail Tokoh.

Fail Muzium Keseniaan dan Tamadun Islam. P 2965. Sejarah Kedatangan Islam Ke Sabah.

### Fail Arkib

Fail Arkib Negeri Sabah. Fail-46. Arkib Negeri Sabah. Biografi Tun Mustapha.

### Akhbar

*NBN & Sabah Times*. 1960. Terima Kasih.

*NBN & Sabah Times*. 1960. 4 orang Kuat PIP ke Lok Kawi.

*NBN & Sabah Times*. 1960. Krisis Berpuasa dan Raya.

*NBN & Sabah Times*. 1960. Mesyuarat Jawatankuasa PIP.

*NBN & Sabah Times.* 1960. Sembahyang Hari Raya.

*NBN & Sabah Times.* 1960. Untuk Penduduk Putatan.

*NBN & Sabah Times.* 1961. Agaba badan Senibudaya-Sosial.

*NBN & Sabah Times.* 1961. Ahli PIP-PIS ke Rumah Sakit.

*NBN & Sabah Times.* 1961. pementasan ratapan.

*NBN & Sabah Times.* 1961. Piala untuk Johan pembaca Al-Quran.

*NBN & Sabah Times.* 1961. Sembilan jam bertanding-perisai PIP digondol Tudduniah.

*NBN & Sabah Times.* 1961. Sepintas lalu Tinjauan Ke Malaya.

*NBN & Sabah Times.* 1961. Persatuan Kebajikan Islam Tambaruli.

*NBN & Sabah Times.* 1962. Merdeka dan Hiduplah Putatan.

*Utusan Borneo.* 1997. Perkembangan Agama Islam di Putatan tahun 1910 hingga kini.

*Utusan Borneo.* 1998. Perkembangan Islam di Putatan Sejak 1910, sebuah pengalaman Hidup.

## Buku

Abdul Aziz Mohd Zin. (*et al*). 2006. *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Abdul Ghafar Ron, Berhanudin Abdullah, Zulkiple Abd. Ghani. (pngr.). 2000. *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia, Konsep dan Perlaksanaan*. Bangi: Penerbitan UKM.

- Abdul Malek Unar. 1993. *Kerajaan Campuran PBS-USNO, UMNO lemas dalam Politik Sabah*. Kota Kinabalu: AMU Enterprise.
- Abdullah Jusuh. 1990. *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Amir A. Rahman. 1991. *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sahari Abd. Latif. 2006. *Mana Bendera Saya?*. Kota Kinabalu: Institusi Penyelidikan Sastera Sabah.
- Buyong Adil. 1981. *Sejarah Sabah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ismail Yusoff. 2004. *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhd. Ashruddin Mohd. Tahar. 2001. *Sultan dan Perlembagaan*. (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Agus Yusoff. 1992. *Politik Akomodasi di Sabah 1962-1992*. Malaysia: Laser Skill Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Mohd Noor bin Abdullah. 1979. *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke Dalam Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhidin Yasin. 1990. *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabihah Osman. 1985. *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881 sehingga 1941*. Bangi: Penerbitan UKM.
- Siti Aidah Hj. Lokin. 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah 1881 hingga 1963*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.

Tregonning, K.G. 1965. *A History of Modern Sabah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.

Tregonning, K.G. 2007. *Malaysian Heritage: Under Charted Company Rule North Borneo 1881-1946*. Kuala Lumpur: Synergy Media, S.S. Majeed & Co Sdn Bhd.

Wan Aznan Wan Abdullah. 1999. *Pemikiran Positif Cara Islam*. Malaysia: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.

### **Responden Yang Ditemui Bual**

Uda bin Sulai. 66 Tahun. Bangunan Ibu Pejabat USIA, Tingkat 1, Jalan Sembulan, Peti Surat 10316."Persatuan Islam Putatan".13 Februari 2009.

Mohd. Din bin Sulai. 68 Tahun. Pejabat UPKR, Kawasan N.18 Petagas, Lot 9, Tingkat 2 Putera Plaza Putatan. "Sejarah awal Persatuan Islam Putatan" 29 Januari 2009.

Madiah bin Ahmad Mus. 63 Tahun. Rumah kediaman beliau, Kampung Kepayan II, Putatan, Kota Kinabalu. "Penubuhan Persatuan Islam Putatan". 10 April 2009.

### **Internet**

"Sekilas Sejarah Islam di Putatan" dlm.

<http://abdnaddin.blogspot.com/2008/11/sekilas-sejarah-islam-di-putatan.html>